

kosakata Melayu yang belum begitu dikenal dan masih perlu diangkat dan dimunculkan untuk dapat memperkaya kosakata bahasa Melayu dan Indonesia .

3.1. Riwayat Hidup B. M. Syamsuddin.

Sejarah kehidupan pada masa kecil ditambah dengan rintangan dan halangan yang selalu menerpa jalur kehidupan, sangat berpengaruh besar terhadap jalan pemikiran dan kehidupan seseorang. Mustahil seseorang yang selalu dididik dengan berbagai bentuk seni tidak akan tertarik dan berminat untuk mendalami pengetahuan seni itu.

Kalau dibanding - bandingkan dengan sekelompok seniman atau pengarang lainnya, pada masa hidupnya B. M. Syamsuddin tidak begitu terkenal diperingkat nasional seperti Muchtar Lubis, Iwan Simatupang dan lainnya, tetapi dengan banyaknya karya yang lahir daripada buah tangannya dan setelah meninggal dunia B. M. Syamsuddin mulai dapat disejajarkan dengan pengarang nasional .

Sukat Sedanau merupakan sebuah perkampungan kecil yang terletak di hujung timur propinsi Riau dekat perbatasan Indonesia dengan Vietnam, tepatnya sebuah pulau yang terdampar di Laut China Selatan yang tidak berhenti di hempas ombak dan gelombang, di sinilah tempat Bujang Muhammad Syamsuddin dilahirkan, tepatnya pada tanggal 10 Mei 1935.

Desa kelahiran kurang aman bagi keluarga B. M. Syamsuddin kerana sering terjadi bencana alam seperti angin taufan, gelombang besar, dan angin puting beliung menyebabkan keluarga B. M. Syamsuddin merasa tidak nyaman untuk tinggal di desa kelahiran tersebut. Beberapa tahun kemudian keluarganya pindah ke Pulau Tiga masih di daerah Pulau Tujuh juga, di Pulau Tiga inilah keluarga kecil ini mendapat kenyamanan.

Menjadi kebiasaan dikalangan masyarakat Melayu dan sering terjadi di bumi Melayu seseorang mempunyai banyak nama atau mempunyai nama panggilan, yang sesuai dengan bentuk fizikal daripada seseorang atau keadaan keluarga, seperti Sitam adalah untuk panggilan seseorang yang mempunyai kulit hitam dan Amirdul ertinya Amir anak sidul. Di kalangan teman – temannya selalu panggilan seseorang tidak menurut semestinya, mereka memberi nama biasanya sesuai dengan tingkah laku dan bentuk fizikal atau pemberian nama berdasarkan nama orang tuanya, seperti Atan – Ros ertinya Atan anak Ros.

Hal ini juga dirasakan oleh B. M. Syamsuddin asal Sukat Sedanau Natuna ini. Semasa sekolah B. M. Syamsuddin mempunyai gelar “Kool” yang ertinya pendiam, gelar ini diberikan oleh gurunya. Pada masa pemerintahan Jepun, B. M. Syamsuddin bergaul dengan tentera Jepun sehingga B. M. Syamsuddin mendapat gelar “Ziro -- san” yang bererti Bujang atau pemuda kecil.

B. M. Syamsuddin berasal daripada keluarga sederhana, untuk memenuhi keperluan hariannya, ayahnya hanya mencari rotan. Sungguh pun demikian, keluarganya cukup dihormati dalam masyarakat kerana ayahnya juga sebagai imam masjid, dan juga sebagai seorang penghulu yang menguasai tiga daerah daripada pulau Natuna.

Ayah B. M. Syamsuddin bernama Imam Toliah, imam yang berasal daripada Daik Lingga yang merantau ke Pulau Natuna, manakala ayah daripada ibunya adalah keturunan Banjar, dan ibu daripada ibunya (nenek) berasal daripada Air Tiris-Kampar. Baik ayah sekalipun ibunya sama – sama berasal daripada perantau. Pada masa kecil B. M. Syamsuddin selalu merasa jemu kepada kedua oraang tuanya, kerana orang tuanya tidak boleh memberikan adik padanya, jadi B. M. Syamsuddin merupakan anak tunggal.

Rasa jemu yang ditanggung, terpaksa dipendam kerana tidak ada tempat mengadu, salah satu cara untuk mengatasinya adalah dengan bediam diri, sehingga B.M.Syamsuddin menjadi seorang pemuda pendiam dan pemenung. B. M. Syamsuddin selalu berjalan sendirian dan suka menyendiri. Setelah cukup umur untuk bersekolah maka B. M. Syamsuddin masuk sekolah Belanda *Lagere School*. Setelah tamat daripada *Lagere School*, B. M. Syamsuddin melanjutkan ke sekolah Jepun dan setelah Jepun menyerah kalah, maka B. M. Syamsuddin melanjutkan ke Sekolah Rakyat (setingkat dengan sekolah dasar/rendah) yang dikelola atau di bawah pengawasan sekolah Belanda.

Setelah tamat daripada sekolah rakyat, B. M. Syamsuddin melanjutkan ke Sekolah Guru Bantu (sekolah cikgu) di Tanjung Pinang dan menamatkan pada tahun 1950. B. M. Syamsuddin juga pernah mengcapai pendidikan di Madrasah, sehingga B. M. Syam boleh baca tulis dalam bahasa Arab dan Melayu daripada menambah ilmu agamanya.

Setelah menamatkan Sekolah Guru Bantu (sekolah khusus untuk cikgu), kemudian B. M. Syamsuddin melanjutkan ke Institut Keguruan Ilmu Pendidikan, tetapi tidak tamat kerana kuatnya pengaruh ekonomi kehidupan. Kejelasan yang penulis peroleh daripada isterinya, bahwasanya almarhum B. M. Syamsuddin cukup lama juga baru dapat menjadi cikgu, kerana beberapa masa lamanya daripada kelulus sekolah guru bantu, B. M. Syamsuddin baru mahu masuk melamar menjadi cikgu dan diterima menjadi cikgu Sekolah Dasar (rendah).

Dalam masa tiga tahun menjadi cikgu, B. M. Syamsuddin pun menikah dengan Wan Nurhaini tepatnya tahun 1955. Bukan sahaja menjadi cikgu di sekolah dasar (rendah), B. M. Syamsuddin juga pernah mengajar di Sekolah Menengah Pertama, dan pernah mengajar di beberapa tempat di daerah kepulauan, juga pendalamannya. Pengalamannya bukan sahaja sebagai seorang pengajar tetapi merangkap sebagai ketua sekolah juga sebagai petugas kebersihan (pesuruh) sekolah. Dalam pada masa mengajar di daerah suku laut, B. M. Syamsuddin sempat mempelajari kebudayaan daerah suku laut tersebut. Seorang yang mengerti dengan kebudayaan suku laut maka

B. M. Syamsuddin menjadi seorang penggemar joged suku laut (tarian Melayu yang rancak iramanya)

Lebih kurang 14 tahun menekuni kerjanya sebagai seorang cikgu , timbul kejemuan pada dirinya. Pada tahun 1969 B. M. Syamsuddin mencuba menukar kerjanya dan bekerja di *Agip Conoco Common Natuna Base Camp*, lebih kurang tiga tahun. Ternyata pekerjaan yang baru juga tidak juga menemukan kepuasan batin jiwanya. Sebagai keputusannya maka pada tahun 1975B. M. Syamsuddinnya pindah ke Pekanbaru, sekaligus menjadi warga kota Pekanbaru.

Di Pekanbaru B. M. Syamsuddin kembali menjadi cikgu Sekolah Dasar (rendah) dan Sekolah Menengah Pertama. Beberapa tahun kemudian B. M. Syamsuddin ditugaskan pula sebagai Ketua sub bahagian tenaga pendidik luar sekolah Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Kodya Pekanbaru tahun 1982, sampai B. M. Syamsuddin pencen. Kerja lain yang pernah B. M. Syam lakukan adalah sebagai tenaga pensyarah di Universiti Islam Riau. Semenjak tinggal di Pekanbaru B. M. Syamsuddin sudah mulai dikenal oleh masyarakat Riau dan bangsa Indonesia sebagai seorang sasterawan dan budayawan Riau yang penuh dengan kreativiti dan imaginasi yang tinggi.

3.2. Karya – karya B. M. Syamsuddin.

Cita – cita B. M. Syamsuddin daripada kecil tidak ada terlintas atau terbayang sedikitpun untuk menjadi seorang pengarang. Hal yang paling B. M. Syamsuddin senangi adalah melukis. Menurut pengakuannya dalam temubual semasa hidup dengan penulis, B. M. Syamsuddin senang melukis apa sahaja yang dilihat dan mengingatnya. Namun apa yang B. M. Syamsuddin cita – citakan untuk menjadi seorang pelukis ternama (terkenal) tidak dapat diwujudkan. Walaupun B. M. Syamsuddin tidak mempunyai cita – cita sebagai penulis, tetapi B. M. Syamsuddin menampakkan bakatnya sebagai seorang penulis ini terbukti dengan tugas mengarang yang diberikan oleh gurunya, selalu dikerjakan dengan baik dan karangannya selalu diambil kemudian dipamerkan di dalam majalah dinding (semacam kotak informasi) di sekolah. Berkat bakat alam yang B. M. Syamsuddin miliki dan disokong oleh gurunya, maka sedikit demi sedikit B. M. Syamsuddin menyenangi soal karang mengarang.

Masa berikutnya B. M. Syamsuddin mencuba untuk menerbitkan karangannya pada surat khabar *sempena* dan majalah *inti sari*. Selain itu B. M. Syamsuddin juga menulis sandiwara radio yang disiarkan oleh RRI (Radio Republik Indonesia) di Tanjung Pinang.

Kalau alasan untuk dikenal sebagai seorang penulis atau pengarang sudah memadai dengan banyaknya karya yang sudah diterbitkan diberbahagai surat khabar dan majalah. Tetapi itu belum cukup untuk mengeluarkan ide atau pendapat yang ada padanya, kerana tempat yang tersedia di surat khabar terlalu sedikit, makanya B. M. Syamsuddin mencuba untuk menulis roman yang berbentuk, cerita kanak – kanak, roman sejarah, dan cerpen serta tulisan ilmiah lainnya.

Hingga akhir hayatnya, semangat menulis B. M. Syamsuddin seakan tidak pernah berhenti, manakalanya itu kenyataannya, B. M. Syamsuddin mulai mengurangi produktiviti penulisannya setelah B. M. Syamsuddin mengalami pesakitan, tepat pada hari jumaat tanggal 21 Februari 1997 B. M. Syamsuddin menghembuskan nafas terakhirnya di Rumah Sakit Ahmad Muchtar Bukit Tinggi Sumatera Barat setelah dirawat dan terbaring sakit beberapa lama di rumah sakit Yayasan Abbdurrab Pekanbaru di bawah pengawasan sahabatnya H .Tabrani Rab. Beliau meninggalkan seorang isteri dan enam orang anak yang sudah dewasa.

Menurut sahabatnya Khaizaini KS, pada suatu hari sewaktu kawan-kawan seniman menjenguknya, B. M. Syamsuddinnya selalu mengatakan ingin tetap menulis jika sembuh daripada pesakitan, maka dapat dibayangkan jika B. M. Syamsuddin diberi umur panjang oleh Allah mungkin sampai hari ini kita masih boleh menikmati karya –karyanya yang lain, yang dapat memperkaya khazanah kesusasteraan yang telah ada.

Untuk lebih jelasnya maka penulis akan menghuraikan senarai daripada karya – karya B. M. Syamsuddin, baik berupa, cerita kanak – kanak, roman sejarah, cerpen, teater, karya ilmiah dan sandiwara radio.

3.2.1. Karya B. M. Syamsuddin Yang Berbentuk Cerita Kanak – Kanak dan Cerita rakyat Riau

- a. “Sikelincing Dengan Sepasang Terompa Nenek Gasi”.

Diterbitkan oleh Balai Pustaka, 1981. Jakarta terdiri daripada 55 halaman. Pelakon Sikelincing, Ujang, Sauyah, Emak Sikelincing, dan Nek Gasi. Ceritanya dapat dilihat daripada sinopsisnya dalam lampiran disertasi

- b. “Batu Belah Batu Betangkup”.

Diterbitkan oleh Balai Pustaka, 1982. Jakarta terdiri daripada 48 halaman. Pelakon, Yang Dara, Pang Yakub, Mak Dara, Ayah Dara, dan Nakhoda, Sultan Melaka. Ceritanya dapat dilihat daripada sinopsisnya dalam lampiran disertasi

- c. “Harimau Kuala”.

Seri perjuangan diterbitkan oleh CV. Bunda Karya 1983 Jakarta, terdiri daripada 60 halaman. Pelakon, M. Boyak, Idrus, Tan Lian Gie, Marpaung, Kawi Larang, Nakhoda Daeng, Uda Rasyid, dan Kapten Latif. Cerita selanjutnya dapat dilihat daripada sinopsis pada lampiran disertasi.

d. "Ligon".

Cerita kanak – kanak diterbitkan oleh CV. Bunda Karya, 1985 Jakarta terdiri daripada 50 halaman. Pelakon, Ligon, Batin Derauh, Cokot, Hamid, Killah, Dr. Egel Van Ham dan Letnan Engels. Cerita selanjutnya dapat dilihat daripada sinopsisnya pada lampiran disertasi.

e. "Dua Beradik Tiga Sekawan".

Diterbitkan oleh CV. Bumi Pustaka, 1982. Jakarta , terdiri daripada 48 halaman. Pelakon, Astuti, Bustan, Burdad, Tan mai, Fan, Pak guru dan ibu guru, Siti, Kastulani, Sulaiman, Sudirman, dan Rokiah. Cerita selanjutnya dapat dilihat daripada Sinopsis yang ada pada lampiran disertasi.

f. "Cik Puan".

Diterbitkan oleh Surat Kabar *Canang*, 1988 Pekanbaru-Riau. Pelakon, Alang Balai, Nik Ulang, Kumala Sari, Datuk Kumbang, Burgas, dan Lanun. Cerita dapat dilihat daripada pada sinopsis yang ada pada lampiran disertasi.

g. "Asal usul nama kota Pekanbaru"

Diterbitkan oleh PT Grasindo, 1993 Jakarta. Pelakonnya, Raja Nan Panjang, Jimban, Batin Senapelan, Raja Kecik, dan Kelana Jaya Putra. Cerita adapada sinopsis daripada lampiran disertasi.

h. "Batu Rantai"

Diterbitkan oleh PT Grasindo Jakarta 1993. Pelakonnya adalah, Paduka Sri Maha Raja, Tuan Jana Khatif, Kabil. Lihat sinopsis pada lampiran disertasi.

i. "Mambang Linau"

Diterbitkan PT Grasindo Jakarta 1993. Pelakon, Bujang Enok, Mambang Linau, dan Raja.

j. "Putri Tujuh".

Diterbitkan PT Grasindo Jakarta 1993. Pelakonnya. Ratu Cik Sima, Pangeran, laskar, Puteri Mayang Mengurai, Puteri Mayang Sari , Panglima, dan Jin. Lihat cerita pada sinopsis daripada pada lampiran disertasi.

k. "Batang Tuaka"

Diterbitkan oleh PT Grasindo Jakarta 1993. Pelakonnya, Tuaka, Ibu Tuaka, Nilam Sari, Orang kaya, Tukang Sampan. Lihat cerita pada sinopsis yang ada pada lampiran disertasi.

l. "Datuk Patih"

Diterbitkan oleh PT Grasindo Jakarta 1993. Pelakonnya. Datuk Patih, Dubalang, Mambang Peri. Lihat sinopsis pada lampiran disertasi.

m. "Lubuk Bendahara".

Diterbitkan oleh PT Grasindo Jakarta 1993. Pelakonnya Datuk Bendahara, Mak Daimun , Ular raksasa, Janda, dan orang Tua berjubah Putih. Lihat sinopsis pada lampiran disertasi.

n. "Awang Garang".

Diterbitkan oleh PT Grasindo Jakarta. 1993. Pelakonnya, Awang Garang, Datuk-datuk, Batin dan Sultan, serta lanun. Lihat sinopsis pada lampiran disertasi

o. "Mengapa Ikan Tongkol Memakan Bulu Ayam."

Diterbitkan oleh PT Grasindo Jakarta 1993, Pelakon Simbol sahaja, Ikan tongkol, Ayam Jantan, Manusia nelayan. Lihat sinopsis pada lampiran disertasi.

3.2.2. Karya B. M. Syamsuddin Yang Berbentuk Roman Sejarah.

a. *Damak dan Jalak.*

Diterbitkan oleh Debdikbud bekerja sama dengan Balai Pustaka 1983 Jakarta terdiri daripada 364 halaman. Pelakonnya, Damak, Jalak, Panglima Raman, Nuri, Awang Saga, Nilam Sari, Siti Payung, Megat Teruna, Kabil, Makcik Dara, Nadim, Busu, Datuk Panglima Gerinding Bulu serta tokoh lain, dapat dilihat daripada sinopsisnya pada lampiran disertasi.

b. Tun Biasid

Diterbitkan oleh Debdikbud bekerja sama dengan Balai Pustaka, 1984 Jakarta. terdiri daripada 302 halaman untuk Tun Biasid I dan 184 halaman untuk Tun Biasid II. Pelakonnya Tun Biasid, Tun Banbala, Tun Tantili, Hangtuah, Hang Jebat, Tun Arbiyah, Tun Iram Sendari, Panik Tiah, Sultan Mahmud Syah I serta tokoh lainnya, dapat dilihat daripada sinopsisnya pada lampiran disertasi

c. Braim Panglima Kasu Barat

Diterbitkan oleh Debdikbud bekerja sama dengan Balai Pustaka 1984, terdiri daripada 203 halaman. Pelakonnya, Panglima Braim, Porok, Musalmah, Batin Limat, Busu, Panglima Thaib, Panglima Lasa, Nakhoda Daeng, Maskiah, Batin Sindak, Bomo, Anak Kapal, serta tokoh lainnya dapat dilihat daripada sinopsisnya pada lampiran disertasi.

3.2.3. Karya B.M Syamsuddin Yang Berbentuk Cerita Pendek

a. "Jiro San Tak Elok Menangis".

Bermula diterbitkan pada surat khabar *kompas* dengan tarikh, minggu 12 julai 1992 daripada itu diterbitkan lagi oleh Yayasan Sagang Pekanbaru pada tahun 1997. Pelakon dalam cerita ini adalah, Jiro San, Sidollah, Cikgu Gadang, Abu Bakar, Engku Jauhar, Dr Van Egel, dan Engku Amir. Lihat sinopsis pada lampiran disertasi.

b. "Bintang-bintang Jasa Cikgu Musa BA"

Diterbitkan oleh Yayasan Sagang Pekanbaru ,1997. Pelakon dalam cerita ini adalah ; Cikgu Musa BA, Ummi Kalsum, Letkol Polri Azman, Letkol TNI AD Amat, Siti Rahimah. Lihat sinopsis pada lampiran disertasi.

c. "Dan Selesailah"

Mulanya diterbitkan oleh surat kabar *Riau Pos* tarikh 5 Mai 1992, kemudian diterbitkan pula daripada Yayasan Sagang Pekanbaru 1997. Pelakon memakai kata ganti orang pertama Dia dan Aku, pak Bujang, dan ketua seksi, dan kakitangan pejabat. Lihat sinopsis pada lampiran disertasi.

d. "Pemburu Rusa Sepanjang Pipa".

Mulanya diterbitkan oleh surat kabar *Kompas* tarih 2 Juni 1991, kemudian diterbitkan kembali daripada Yayasan Sagang Pekanbaru 1997. Pelakonnya, Darus, Sentul, Busu, dan Pekerja Minyak Caltex. Lihat sinopsis pada lampiran disertasi.

e. "Kemantan Muda Roh Belian"

Mulanya diterbitkan oleh surat kabar *Kompas* dengan tarikh 1 Mai 1994, kemudian terbitkan kembali oleh Yayasan Sagang Pekanbaru 1997. Pelakon, Kemantan Muda, Wali Rasyid, Kemantan Tua, Ketua Kampung. Lihat sinopsis pada lampiran disertasi.

f. "Ocu"

Mulanya diterbitkan oleh surat kabar Suara Karya Minggu, pada minggu ketiga Maret 1992, kemudian diterbitkan kembali daripada Yayasan Sagang Pekanbaru 1997. Pelakonnya. Ocu, Siti Aisyah, Ummi Kalsum, penghuni Kampung, Ali Amran. Lihat sinopsis pada lampiran disertasi.

g. "Batam Perburuan".

Diterbitkan daripada Yayasan Sagang Pekanbaru 1997. Pelakonnya adalah, Wak Dollah, Cik Milah, Atan, Wak Koming, Siti Anom, dan Taikong. Lihat Sinopsis pada lampiran disertasi.

h. "Taikong".

Diterbitkan daripada Yayasan Sagang Pekanbaru 1997. Pelakonnya adalah; Wak Koming, Awang Solong, Touke, Siti Kalsum, Mak Bidan, dan La Udu. Baca sinopsis pada lampiran disertasi.

i. "Wan Itah"

Mulanya diterbitkan oleh surat kabar *Kompas* dengan tarikh 10 Januari 1993. Kemudian, diterbitkan kembali daripada Yayasan Sagang Pekanbaru 1997. Pelakonnya; Wan Ahmad, Tengku Mahdini, Wan Itah, Nuja Rahman, Cik Kadir, Siti Aisyah, Pak Camat, dan Syamsul Bahri. Sila baca sinopsis pada lampiran disertasi.

j. "Burung-Burung Camar"

Mulanya diterbitkan dalam surat kabar *Suara Karya* pada minggu ketiga September 1991, kemudian diterbitkan kembali daripada Yayasan sagang Pekanbaru 1997. Pelakonnya adalah; Batin Janggut, Ogek, Mak Piah, Wak Katan, Mak Mondel, Yang Entin, dan Mak Tijah. Sila baca sinopsis pada lampiran disertasi.

k. "Bianglala Di langit Natuna"

Diterbitkan daripada Yayasan Sagang Pekanbaru 1997. Pelakonnya adalah; Prof Lihty, Aku, Pitoy, Syam, Nurlela, dan Van Ham. Sila baca sinopsis pada Lampiran disertasi.

l. "Cengkehpu Berbunga Di Natuna"

Mulanya diterbitkan daripada surat kabar *Kompas* dengan 29 September 1991, kemudian diterbitkan kembali daripada Yayasan Sagang Pekanbaru 1997. Pelakonnya adalah; Siti Hamlah, Haji Dolah, Kak Long, Camat Sholeh, Ali Amran, Ahmad Sani, Sri Banun, Rukiah, dan Babah A hong. Sila baca sinopsis pada lampiran disertasi.

m. "Gadis Berpalis".

Diterbitkan daripada Yayasan Sagang Pekanbaru 1997. Pelakonnya adalah; Sri Banum, Encik Tauran, Encik Taksiah, Wan Talib, dan seorang pengusaha. Sila baca sinopsis pada lampiran disertasi.

n. "Tok Bandar".

Mulanya diterbitkan daripada surat khabar *Suara Karya*, tarikh minggu 18 September 1994, kemudian diterbitkan kembali daripada Yayasan Sagang Pekanbaru 1997. Pelakonnya adalah; Tok Bandar, Demang Megat, Bomo Kad hak, Anjang Ram. Sila baca daripada sinopsis pada lampiran disertasi.

o. "Nong Sahara".

Mulanya diterbitkan daripada surat kabar *Kompas*, tarikh Minggu 21 Februari 1993, kemudian diterbitkan kembali daripada Yayasan sagang Pekanbaru 1997. Pelakonnya adalah; Nong Sahara, Encik Rajab, Musalmahlamah, Wan Anom, Mr. Law, Tuan Amat, Encik Amit. Sila baca sinopsis pada lampiran disertasi.

p. "Perempuan Sampan".

Diterbitkan daripada Yayasan Sagang Pekanbaru 1997. Pelakonnya adalah; Yang Imbang, Batin ketua Suku, Minah, Limah, Satpam (Sekuriti), Cikgu Kadir, dan Yang Sena. Sila baca daripada Sinopsis pada lampiran disertasi.

q. "Gelombang Ngidam".

Diterbitkan daripada Yayasan Sagang Pekanbaru 1997. Pelakonnya adalah; Nakhoda Alang, Fatimah, Pang Sani, dan Megat. Sila baca Sinopsis daripada lampiran disertasi.

r. "Kembali Ke Bintan".

Diterbitkan daripada Yayasan Sagang Pekanbaru 1997. Pelakonnya adalah; Aku, Hasnah, Tuk Aki, Nenek, Cikgu Seman, dan comel. Sila baca Sinopsis daripada lampiran disertasi.

s. "Asrama Itu Telah Tiada".

Mulanya diterbitkan daripada surat kabar *Suara Karya*, tarikh minggu ketiga Agustus 1992. Kemudian diterbitkan kembali daripada Yayasan Sagang Pekanbaru 1997. Pelakonnya adalah; Deraman, Idris, Jauhara, Gapat, Rahman Daut, Mukdi Syamsuddin, Abasri, Agussalaim, dan Fatah Lingga. Sila baca Sinopsis daripada lampiran disertasi.

t. "Debar Laut Galang".

Mulanya diterbitkan daripada surat Kabar *Riau Pos* tarih 31 Oktober 1993, kemudian diterbitkan kembali daripada Yayasan Sagang Pekanbaru 1997. Pelakonnya adalah; Pham My, Tuyet, Khiem Chanh, Vung Thun, dan Pak Nguyen Chuong. Sila baca sinopsis daripada lampiran disertasi.

u. "Nang Nora".

Mulanya diterbitkan daripada surat kabar *Kompas* tarih Minggu 8 Desember 1991, kemudian diterbitkan kembali daripada Yayasan Sagang Pekanbaru 1997. Pelakonnya adalah; Nang Nora, Wak Andak Saleh, Mr. Law Nang, Pak Toi, dan Toke Aciak Hon Hoi. Sila baca sinopsis daripada lampiran disertasi.

3.2.4. Karya B. M. Syamsuddin Yang Berbentuk Ilmu Populer.

a. *Mendu Kesenian Rakyat Natuna.*

Bacaan Sekolah Dasar (sekolah rendah) hadiah buku satu 1981 diterbitkan oleh Balai Pustaka 1981. *Hikayat Dewa Mendu* dan cara bermain teater Mendu Ladun, Wayat, Lakon, dan Beremas. Satu – satunya buku tentang Mendu di Riau yang mengungkapkan sejarah tradisional daerah Riau yang belum banyak diketahui oleh orang.

b. *Seni Peran Mak Yong.*

Diterbitkan oleh Balai Pustaka 1982 Jakarta terdiri daripada 65halaman.

Lakon Mak Yong merupakan teater tradisional Riau yang telah banyak dilupakan, tetapi B. M. Syamsuddin berhasrat memperkaya khazanah kebudayaan nasional, dikarenakan perannya yang bersikap membangun harkat martabat manusia diwakili dengan figur, Cik Wang, Mak Sanik dan Awang Peran dengan memakai topeng.

3.2.5. Karya B. M. Syamsuddin Yang Berbentuk Teater.

a. "Fatimah Seri Gunung"

Teater ini terdiri daripada tiga babak, drama berpantun diciptakan tahun 1972, pelakunya terdiri daripada beberapa pemain seperti Fatimah, Mak Ti Yat, Cik Wan Dara, Datuk Suang, Tengku Said, Wakil Sultan Penghulu Ketinggik. Wakil Sultan lebih daripada Sultan yang sebenarnya, Sultan dan lebih Belanda daripada yang sebenar Belanda, mereka tetap terusir daripada bumi Riau, diusir oleh kaum kemanusiaan.

b. "Warung Wulan".

Terdiri daripada tiga babak dimainkan oleh para Pelakon seperti, Telo, Awang Yang Esah, Batin dan Tioke. Riau tempat tinggal orang yang beragama dan bersuku bangsa, negeri miskin dekat kilang minyak yang kaya raya akan alamnya, biarlah kami mengarap pusaka kaya raya, pusaka bahari milik mereka yang belum dimiliki seseorang.

3.2.6. Karya B. M. Syamsuddin Yang Berbentuk Cerita Bersambung.

Dimuat disurat khabar *Haluan* tahun 1979 dan cerbung Suluh Riau 1962, tokoh yang dipakai dalam cerita ini adalah muncung, Yang Sena, Awang, Batin Tunjang, dan Batin Derauf judulnya B. M. Syamsuddinlah "Perkawinan Di Atas Gelombang".

Di muat di surat khabar *Haluan* dengan tajuk lain yang diterbitkan pada tahun 1980 dengan judul “Ombak Bersabung” dengan para tokohnya ialah : Nilam, Mayang, Awang Hitam, Datuk Kaya To Alim.

3.3. Penutup

-Demikianlah riwayat hidup dan karya – karya B. M. Syamsuddin yang telah diterbitkan. Seorang pengarang tidak hanya berkarya sampai pada masa tertentu sahaja, tetapi B. M. Syamsuddin berkarya terus sampai akhir hayatnya, maka kalau ada karyanya yang terbit di luar pengetahuan penulis, tentu penulis tidak akan dapat memasukkannya ke dalam *inventori* disertasi ini.